

Pameran seni gaya Naive Sabah dapat sambutan

UB 04.11.2012 B5

PAMERAN Pelukis-pelukis gaya Naive Sabah yang diadakan buat kali pertama berjaya mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti seni di sekitar ibu negeri.

Penganjur pameran itu, Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul berkata lima pelukis Sabah yang mengambil bahagian dalam pameran itu ialah Jainal Amambing, Azlan Dulikab, Arthur Siowou, Awang Faddilah dan Rosmaini Sunarjo.

“Masing-masing pelukis mengemukakan karya bergaya naive tetapi saya mensyaratkan mereka mengemukakan karya-karya baru yang menyerlahkan keunikan dan kelainan dalam pameran yang diadakan ini,”

katanya.

Katanya, gaya Naive masih tergolong sebagai gaya baru dalam seni catan di Malaysia dan pamderan itu bertujuan untuk membantu pelukis-pelukis memasarkan karya seni mereka.

Dr. Awangku Hassanal yang juga pensyarah kanan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, pelancongan seni berpotensi untuk dimajukan dalam di rantau BIMP-EAGA.

Menurutnya, beliau juga mendorong pelukis untuk terus berkarya dengan mengetengahkan pelbagai keistimewaan dan keunikan Sabah melalui karya-karya baru mereka.

Katanya, kerja-kerja seni catan daripada lima pelukis gaya naive Malaysia dipamerkan dalam Ist

Sabah Naive Artist Showcase pada 3 dan 4 November yang diadakan di Hotel Jesselton, salah sebuah hotel tertua di negeri ini.

Seni catan gaya naive di Sabah menampilkan kepelbagaian citra yang diolah dari subjek seperti hutan, kehidupan sehari-hari, unsur-unsur peribumi cerita rakyat, flora dan fauna serta pelbagai lagi warna kehidupan rakyat di negeri ini.

Beliau yakin, seni catan gaya naive mempunyai masa depan yang baik berdasarkan sambutan menggalakkan yang diberikan.

Katanya, banyak karya lukisan yang telah dibeli dan ditempat oleh peminat-peminat seni dengan harga berpatutan di antara RM350 hingga RM500 bagi sebuah karya.



DR/AWANGKU HASSANAL (kanan) mengabadikan gambar seorang kanak-kanak yang tertarik membelilukisan mengenai kehidupan hutan.